

HARI : KHAMIS  
 TARikh : 8/8/2019  
 M/SURAT : 14

# 147 bengkung Let's Cantik tiruan dirampas

**JOHOR BAHRU** – Tindakan tujuh premis sekitar daerah ini di sini menjual bengkung Let's Cantik tiruan mengundang padah apabila diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor, kelmarin.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Johor, Zubir Hamsa berkata, dalam serbuan bermula pukul 6 petang itu, sebanyak 147 bengkung dipercayai tiruan bernilai RM17,455.70 dirampas.

Menurutnya, serbuan itu merupakan hasil risikan selama dua minggu selepas pihaknya menerima aduan daripada pemilik cap dagang produk jenama Let's Cantik milik pengasas produk kecan-



NUR SAJAT



ZUBIR (tiga dari kanan) bersama anggota pegawai kuasa menunjukkan bengkung Lets's Cantik tiruan yang dirampas di Johor Bahru semalam.

tikan terkenal, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 34, yang dikenali sebagai Nur Sajat.

"Kesemua barang dirampas ialah bengkung daripada jenama Let's Cantik yang

disyaki tiruan," katanya pada sidang akhbar di Menara An-sar di sini semalam.

Zubir memberitahu, pihaknya turut merekodkan keterangan ketujuh-tujuh pemilik premis berkenaan semasa ope-

rasi dilakukan.

Tambahnya, bengkung tiruan yang mempunyai empat perbezaan berbanding produk asli itu, kini disita mengikut Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 untuk siasatan lanjut.

"Kita akan terus melakukan pemeriksaan dan pemantauan terhadap premis-premis yang disyaki menawarkan atau membekalkan barang tiruan dalam usaha melindungi hak pengguna dan harta intelek milik industri.

"Peniaga juga dinasihatinya matuhui undang-undang dan peraturan serta tidak terlibat dalam aktiviti penjualan atau pengedaran barang tiruan selain pengguna dinasihatkan berhati-hati dalam membuat pembelian dengan memastikan barang dibeli adalah tulen," jelasnya.